



03 JUL, 2024

Kotak kiriman disyaki mengandungi dadah dirampas

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia



Page 1 of 2

Kotak kiriman disyaki mengandungi dadah dirampas

JKDM Sarawak sita kotak kiriman dari luar negara disyaki mengandungi dadah berbahaya dianggarkan bernilai RM156,000

Oleh Mohamad Norhadie Sahari

MIRI: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Sarawak menyita sebuah kotak kiriman dari luar negara yang disyaki mengandungi dadah berbahaya dianggarkan bernilai RM156,000 di sini pada 19 Jun lalu.

Pengarah JKDM Sarawak Norizan Yahya berkata, hasil maklumat Cawangan Risiko Zon Sarawak, sepasukan anggota daripada Unit Narkotik Kastam Stesen Miri melakukan pemeriksaan di Kargo Udara Miri, Jalan Airport sekitar jam 10.45 pagi.

“Hasil pemeriksaan menjumpai sebuah kotak kiriman dari luar negara disyaki mengandungi dadah berbahaya dengan jumlah nilai keseluruhan dadah dianggarkan RM156,000.

“Berdasarkan kepada nota penghantaran pada bungkusan berkenaan, JKDM menjalankan proses kawalan

penghantaran ke atas kotak tersebut ke alamat penerima dan mendapati alamat digunakan adalah palsu,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Menurut Norizan, nombor telefon bimbit penerima didaftarkan juga didapati tidak ada dalam perkhidmatan.

“JKDM Sarawak seterusnya membuat pengawasan dan menunggu penerima datang menuntut kotak tersebut di syarikat penghantaran beralamat di Taman Perindustrian Miri.

“Setelah tiada tuntutan dibuat, kotak tersebut disita bagi tujuan siasatan lanjut.

“Hasil pemeriksaan dan ujian awal ke atas kandungan kotak terbabit membawa kepada penemuan tiga plastik disyaki mengandungi pil ecstasy dianggar seberat 315 gram, serbuk methylenedioxy methamphetamine (MDMA) dianggar seberat 501 gram dan ketamin dianggar seberat 100 gram,”

jelasnya.

Menurutnya, modus operandi sindiket adalah menggunakan perkhidmatan kurier dari luar negara

dihantar ke alamat palsu serta menggunakan nombor telefon bimbit tiada dalam perkhidmatan bagi tujuan mengelirukan pihak

berkuasa.

Katanya, kes disiasat di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952, jika sabit kesalahan boleh dihuk-

kum dengan hukuman mati atau penjara seumur hidup dan sekiranya hukuman diberikan oleh mahkamah adalah penjara seumur hidup, pesalah hendaklah juga disabit tidak kurang daripada 15 sebatan.

Sehubungan itu, beliau menggesa orang ramai membantu JKDM memerangi jenayah penyeludupan khususnya rokok, minuman keras, mercun, dadah, kenderaan dan lain-lain serta tidak membabitkan diri dengan aktiviti terbabit.

“Penyeludupan bukan sahaja merugikan negara dari segi ketirisan hasil, malah turut mendatangkan ancaman keselamatan negara dan kesejahteraan rakyat.

“JKDM menyeru kepada orang awam memberi kerjasama menyalurkan maklumat berkaitan sebarang aktiviti penyeludupan dengan menghubungi Talian Bebas Tol Kastam 1-800-88-8855 atau pejabat kastam terdekat di semua negeri.

“JKDM juga memberi jaminan identiti pemberi maklumat adalah dirahsiakan,” jelasnya.

“Hasil pemeriksaan menjumpai sebuah kotak kiriman dari luar negara disyaki mengandungi dadah berbahaya dengan jumlah nilai keseluruhan dadah dianggarkan RM156,000.”

Norizan Yahya
Pegawai JKDM Sarawak



RAMPAS: JKDM Sarawak menyita sebuah kotak kiriman dari luar negara yang disyaki mengandungi dadah berbahaya dianggarkan bernilai RM156,000 di Miri pada 19 Jun lalu.



03 JUL, 2024

Kotak kiriman disyaki mengandungi dadah dirampas

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Kotak kiriman disyaki mengandungi dadah dirampas Oleh Mohamad NorhadieSahari JKDM Sarawak sita kotak kiriman dari luar negara disyaki mengandungi dadah berbahaya dianggarkan bernilai RM156,000 MIRI: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Sarawak menyita sebuah kotak kiriman dari luar negara yang disyaki mengandungi dadah berbahaya dianggarkan bernilai RM156,000 di sini pada 19 Jun lalu, Pengarah JKDM Sarawak Norizan Yahya berkata, hasil maklumat Cawangan Risikan Zon Sarawak^ sepasukan anggota ...